

Rakyat digesa tukar paip air zaman British

PENGHUNI rumah tinggalan zaman British terutama di bangunan rumah kedai di kawasan bandar yang masih mengguna pakai sistem paip lama sejak 1940-an dinasihatkan supaya segera menukar paip baru berikutan paip lama kerana mengandungi bahan plumbum membahayakan kesihatan.

Sistem paip mengandungi plumbum itu diperkenalkan British kerana mempunyai kelebihan antika-rat, menyahbakteria serta mampu menghalang rumpai atau lumpur membiak di situ. Berikutan itu, paip berkenaan lebih tahan lama berbanding paip besi moden sekarang yang lebih cepat berkarat.

Walaupun tiada kajian rasmi mengenai jumlah penggunaan paip besi zaman British itu, Pakar Forensik Geokimia Alam Sekitar dan Pencemaran Marin, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohamad Pauzi Zakaria, mengakui kesan penggunaannya sangat membahayakan kesihatan.

Bahkan, katanya perkara itu menjadi isu besar di England pada era penggunaannya dan dihapuskan selepas disahkan mengandungi plumbum tinggi yang menyerang sistem saraf badan manusia.

"Jika paip itu masih digunakan, ia boleh menyebabkan keracunan plumbum mengakibatkan mangsa boleh menjadi kacau bilau dan lumpuh. Penyakit itu memberi kesan jangka panjang dan ia boleh diwarisi sehingga empat generasi. Sebab itulah, jika masih ada sesiapa yang tinggal di bangunan lama, mereka mesti menukar sistem paip

kepada paip baru," katanya.

Beliau mengakui penggunaan pelbagai jenis paip moden lebih selamat dan stabil bahkan penggunaan besi juga berkaitan unsur zat besi yang baik untuk kesihatan.

Ketika ini, kebanyakan rumah sudah dibekalkan paip polietilena ketumpatan tinggi (HDPE), paip polivinil klorida tanpa plastik (UPVC) dan paip keluli lembut (MS) menggantikan paip asbestos simen (AC) yang banyak digunakan pada tahun 50-an hingga 70-an.

Mohamad Pauzi berkata, kesan keracunan plumbum akibat paip besi itu boleh dikesan jika ramai penghuninya mengalami masalah yang sama serta berpanjangan. Ketika ini kebanyakan projek perumahan baru menggunakan paip moden pelbagai jenis.

Bagaimanapun, beliau mengakui ada menerima maklumat mengenai beberapa produk termasuk kepala paip yang mempunyai unsur plumbum dan meminta pihak berkuasa memantau segera perkara itu bagi mengelakkan perkara lebih buruk.

"Jika perkara itu betul, ia akan menjadi masalah besar kerana pengguna sebenarnya tidak tahu atau tidak faham jenis kandungan bahan yang digunakan untuk membuat kepala paip itu.

"Bayangkan jika mereka gunakan untuk memasak atau minum. Bahan plumbum akan bercampur dengan bahan organik di dalam air dan kekal di dalam sistem saraf. Sebab itulah saya katakan penyakit itu boleh diwarisi hingga empat generasi," katanya.



Jika paip itu masih digunakan, ia boleh menyebabkan keracunan plumbum mengakibatkan mangsa boleh menjadi kacau bilau dan lumpuh. Penyakit itu memberi kesan jangka panjang dan ia boleh diwarisi sehingga empat generasi. Sebab itulah, jika masih ada sesiapa yang tinggal di bangunan lama, mereka mesti menukar sistem paip kepada paip baru

Mohamad Pauzi Zakaria
Pakar Forensik Geokimia Alam Sekitar
dan Pencemaran Marin UPM